

SIARAN MEDIA
NEXG TRAIL CLEANUP 2025: USAHA BERSAMA DEMI KELESTARIAN ALAM
SEKITAR

Rawang, 24 Februari 2025 – NexG Berhad terus memperkukuh komitmennya dalam usaha pemeliharaan alam sekitar melalui program **“NexG Trail Cleanup 2025”** yang berlangsung di Taman Rimba Templer, Rawang hari ini. Program ini melibatkan seramai 38 pelajar dan guru dari Sekolah Seri Anggerik, Cheras serta 42 kakitangan NexG Berhad yang bersama-sama berganding bahu membersihkan laluan sejauh hampir 1 kilometer dari pangkalan taman.

Program ini bertujuan memastikan kawasan rekreasi ini lebih bersih dan hijau untuk manfaat semua pengunjung. Aktiviti gotong-royong ini bukan sahaja memberi impak positif kepada persekitaran, tetapi juga menyemai kesedaran dalam kalangan peserta mengenai kepentingan memelihara keindahan alam semula jadi. Program seperti ini memainkan peranan penting dalam menggalakkan gaya hidup lestari serta mendorong lebih ramai pihak untuk turut serta dalam usaha menjaga kebersihan kawasan hijau di seluruh negara.

Menurut **Naib Presiden Eksekutif Komunikasi Strategik NexG Berhad, Safia Hanifah** menegaskan bahawa “Tanggungjawab Sosial Korporat bukan hanya berkaitan sumbangan kepada masyarakat, tetapi juga meliputi kesedaran dan tanggungjawab yang berterusan terhadap alam sekitar. Dengan program ini, kita bukan sahaja akan meninggalkan impak positif kepada kawasan rekreasi yang sering dikunjungi orang ramai, tetapi juga mendidik generasi muda mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan memelihara keindahan alam semula jadi. Melalui program seperti ini, kita memberi contoh yang baik dan memupuk semangat cinta kepada alam sekitar dalam kalangan pelajar dan komuniti.”

Beliau turut menyatakan “Program hari ini bukan sekadar aktiviti pembersihan, tetapi juga satu usaha mendidik dan menyemai kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, khususnya di kawasan rekreasi yang menjadi tempat riadah untuk semua. Dengan inisiatif ini, kita berharap dapat mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, indah, dan lestari untuk dinikmati oleh generasi akan datang.”

Selain aktiviti pembersihan, peserta program turut diberikan penerangan mengenai teknik penjagaan dan pembersihan yang betul oleh wakil Majlis Perbandaran Selayang, yang turut serta membantu melancarkan program ini. Pihak Majlis Perbandaran Selayang, yang bertanggungjawab menguruskan Taman Rimba Templer, memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini dan menyatakan penghargaan mereka atas usaha yang dijalankan dalam memastikan keindahan taman terus terpelihara. Mereka juga berharap agar lebih banyak organisasi dan kumpulan komuniti mengambil inisiatif serupa bagi mengekalkan kebersihan serta kelestarian kawasan rekreasi untuk generasi masa depan.



Registration no. 200801008471 (809759-X)

NexG Berhad akan terus menganjurkan program-program berteraskan kelestarian alam sekitar dalam usaha memastikan pembangunan mampan sejajar dengan prinsip tanggungjawab sosial korporat syarikat. Komitmen ini membuktikan kesungguhan NexG Berhad dalam memainkan peranan sebagai entiti korporat yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat secara keseluruhan.

Tentang NexG Berhad:

NexG Berhad adalah pembekal penyelesaian berintegrasi berkaitan keselamatan dengan rekod prestasi kukuh yang telah tersenarai dalam Bursa Malaysia Securities Berhad Main Market sejak tahun 2012. Datasonic menawarkan keupayaan teknikal yang kukuh yang disokong oleh pasukan penyelidikan dan pembangunan ("R&D") yang berbakat di dalam syarikat. Ia mengkhusus kepada kad pengenalan serbaguna, passport elektronik yang mematuhi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ("ICAO"), pintu masuk automatik dengan biometrik serba guna dan sistem pengesanan wajah, kad pintar kewangan, sistem CCTV dan pengawasan bersepadu dengan analitik video, serta penyelesaian ICT berkaitan penjagaan kesihatan. Sejak tahun 2012, NexG telah menjadi pembekal untuk projek Kad Pengenalan Malaysia ("MyKad"), dan sejak tahun 2016, ia telah menjadi pembekal yang menyediakan penyelesaian passport elektronik yang mematuhi ICAO kepada kerajaan Malaysia. Datasonic juga merupakan peneraju dan pembekal utama sistem dan penyelesaian personalisasi kad ATM/Kad Debit dan Europay, Mastercard, dan Visa ("EMV").